Secara keseluruhan, pada 2016, Laman Web Rasmi Pustaka Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 75,836 pengunjung. Ini memberikan purata sebanyak 6,320 pengunjung setiap bulan. Daripada statistik tersebut, kita dapat lihat bahawa bilangan pengunjung meningkat dan mengekalkan jumlah yang tinggi dari April hingga November. Ini mungkin disebabkan jumlah pengunjung adalah selari mengikut semester persekolahan, di mana pelajar menggunakan laman web dan perkhidmatan dalam talian untuk mencari maklumat. Bilangan pengunjung tertinggi dicatatkan adalah pada bulan November (7,910 lawatan). Ini juga boleh dikaitkan dengan musim peperiksaan awam yang sedang berlangsung ketika itu, di mana pelajar menggunakan laman web untuk mencari maklumat dan melakukan ulangkaji.

Overall, in 2016, the Sarawak State Library Official Website has received a total of 75,836 visitors. This gives an average of 6,320 visitors coming in each month. It can be seen from the statistics above that the number of visitors was growing and maintained high from April to November. This may be in accordance with the schooling semester, where students used the website and its online services to search for information. The highest number of visitors recorded was in November (7,910 visits). This may also reflected the public exam season going on that time, where students used the website to do refreshers.



## BILANGAN PENGUNJUNG MEDIA SOSIAL NUMBERS OF SOCIAL MEDIA VISITORS



### Diskripsi / Description

Di media sosial, Akaun Media Sosial Rasmi Pustaka Negeri Sarawak telah menunjukkan banyak peningkatan pada tahun 2016.

Di laman rasmi Facebook Pustaka, seramai 7,309 'likes' diperolehi sehingga 31 Disember 2016. Ini adalah peningkatan sebanyak 1,749 'likes' yang dicapai pada 2016. Fokus jangkauan kini memberi tumpuan kepada Facebook di mana pengguna menghabiskan lebih banyak masa untuk mendapatkan maklumat.

Untuk Instagram, sebanyak 968 'followers' diperolehi sehingga 31 Disember 2016. Oleh kerana Instagram merupakan media yang baik untuk mempamerkan aktiviti-aktiviti bergambar, maka lebih daripada 1,600 gambar telah dikongsi pada tahun 2016, terutamanya ketika aktiviti-aktiviti besar seperti Pustaka Bookaroo, Lan Berambeh dan Karnival Sarawakiana.

*On the social media, Sarawak State Library's Official Social Media Pages/Accounts showed a lot of increase.*

*On the Facebook page, a total of 7309 likes was gained up to 31st December 2016. This is an increase of 1,749 likes which was gained in 2016. Posts reach is now focused on Facebook where users spends more time to gain information.*

*For Instagram, a total of 968 followers was gained up to 31st December 2016. As Instagram is a good medium to showcase activities in photos, more than 1,600 posts were made in the year 2016, particularly during big events such as Pustaka Bookaroo, Lan Berambeh and Karnival Sarawakiana.*

# PENYATA KEWANGAN 2016

FINANCIAL STATEMENT 2016

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Senarai Ahli-Ahli Lembaga Pengurusan	65
Pegawai Yang Bertanggungjawab	65
Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengurusan	66
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan	67
Laporan Ketua Audit Negara	68-71
Penyata Kedudukan Kewangan	72
Penyata Pendapatan	73
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	74
Penyata Aliran Tunai	75
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	76-92

## SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

<b>PENGERUSI</b>	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
<b>TIMBALAN PENGERUSI</b>	: YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani Setiausaha Kerajaan Negeri
<b>AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN</b>	: YBhg. Dr. Haji Abdul Rahman Deen
	: YBhg. Puan Nafisah Binti Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
	: YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi
	: YBhg. Dr. Rita Manurung
	: YBhg. Prof. Madya Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Universiti Malaysia Sarawak
<b>AHLI EX-OFFICIO</b>	: YBhg. Datu Haji Misnu Haji Taha Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri

## PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

<b>KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b>	: Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan Ketua Pegawai Eksekutif
<b>ALAMAT BERDAFTAR</b>	: Jalan Pustaka Off Jalan Stadium Petra Jaya 93250 Kuching Sarawak
<b>JURUAUDIT</b>	: Ketua Audit Negara
<b>BANK UTAMA</b>	: RHB (Malaysia) Berhad Jalan Kulas 93400 Kuching

**PENYATA Pengerusi dan Seorang  
Ahli Lembaga Pengurusan**

Kami, **TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI HAMID BUGO** dan **DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN** yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



---

**TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI  
HAMID BUGO**  
Pengerusi  
Lembaga Pengurusan

**KUCHING, SARAWAK.**  
Tarikh: 04/08/2017



---


**DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN**  
Ahli  
Lembaga Pengurusan

**KUCHING, SARAWAK.**  
Tarikh: 04/08/2017

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **HAJAH RASHIDAH HAJI BOLHASSAN** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di **KUCHING, SARAWAK** pada.....haribulan.....<sup>04</sup> ~~2017~~ <sup>AUG 2017</sup> 2017



Di hadapan saya,

  
.....  
**PESURUHJAYA SUMPAAH**  
  
Suites 8.21 & 8.22  
Hock Kui Commercial Centre  
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce  
93150 Kuching

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999”)



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

#### Pendapat

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 13 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Ordinan Badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 serta *Sarawak State Library Ordinance*, 1999.

#### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pustaka Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999”)

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Ordinan Badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 serta *Sarawak State Library Ordinance*, 1999. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, Lembaga Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pustaka Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999”)

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pustaka Negeri Sarawak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurusan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurusan, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pustaka Negeri Sarawak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengurusan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Ordinan Badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 serta *Sarawak State Library Ordinance, 1999*, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Ordinan untuk disimpan oleh Pustaka Negeri Sarawak telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Ordinan.




# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999”)

## Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Pustaka Negeri Sarawak telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengurusan terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengurusan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TOIEYAH BINTI HAJI TIOH)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

KUCHING

TARIKH : 04 AUG 2017



**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DESEMBER 2016**

	Nota	2016 (RM)	2015 (RM) (Dinyata Semula)
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Loji dan peralatan	7	2,475,332	2,608,003
<b>Aset Semasa</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	8	50,743,404	26,449,078
Penghutang dan prabayaran	9	1,204,327	682,670
Jumlah Aset Semasa		51,947,731	27,131,748
<b>Jumlah Aset</b>		<b>54,423,063</b>	<b>29,739,751</b>
<b>Ekuiti</b>			
Surplus Terkumpul		13,268,655	9,908,228
Rizab Modal		283	283
Jumlah Ekuiti		13,268,938	9,908,511
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Manfaat pekerja	12	191,367	125,184
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang	10	2,660,875	3,151,698
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	11	38,301,883	16,523,809
Manfaat pekerja	12	-	30,549
Jumlah Liabiliti Semasa		40,962,758	19,706,056
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<b>54,423,063</b>	<b>29,739,751</b>

Nota-nota pada muka surat 76-92 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 (RM)	2015 (RM) (Dinyata Semula)
Hasil kendalian	<b>13</b>	633	6,733
Lain-lain hasil	<b>14</b>	1,675,939	1,211,824
Geran Kerajaan Negeri	<b>15</b>	24,621,926	22,332,031
Kos pekerja	<b>16</b>	(8,291,578)	(7,446,347)
Susutnilai	<b>7</b>	(677,733)	(491,528)
Lain-lain kos operasi	<b>17</b>	(13,968,760)	(14,199,511)
Surplus bersih daripada operasi		<u>3,360,427</u>	<u>1,413,202</u>

Nota-nota pada muka surat 76-92 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	<b>Rizab Modal RM</b>	<b>Lebihan Terkumpul RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
Pada 1 Januari 2016	283	9,908,228	9,908,511
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	3,360,427	3,360,427
Pada 31 Disember 2016	<u>283</u>	<u>13,268,655</u>	<u>13,268,938</u>
	<b>Rizab Modal RM</b>	<b>Lebihan Terkumpul RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
Pada 1 Januari 2015	-	8,650,759	8,650,759
Kesan peralihan MPERS:			
Baki pada 1 Januari 2015 dinyatakan semula	283	-	283
Baki pada 31 Disember 2015 dinyatakan semula	-	(155,733)	(155,733)
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	1,413,202	1,413,202
Pada 31 Disember 2015	<u>283</u>	<u>9,908,228</u>	<u>9,908,511</u>

Nota-nota pada muka surat 76-92 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 (RM)	2015 (RM) (Dinyata Semula)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>			
Surplus dari operasi		3,360,427	1,413,202
Pelarasan untuk:			
Peruntukan manfaat pekerja		35,634	-
Susutnilai loji dan peralatan		677,733	491,528
Kerugian daripada aset tetap yang dilupuskan		9	3,045
<b><i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i></b>		<b><u>4,073,803</u></b>	<b><u>1,907,775</u></b>
Penambahan dalam penghutang		(521,657)	(58,717)
Kurangan dalam pemiutang		(490,823)	(1,596,118)
<b><i>Tunai bersih dari aktiviti operasi</i></b>		<b><u>3,061,323</u></b>	<b><u>252,940</u></b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian loji dan peralatan		(545,071)	(1,491,114)
Perbelanjaan pembangunan		(3,621,926)	(3,332,031)
<b><i>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</i></b>		<b><u>(4,166,997)</u></b>	<b><u>(4,823,145)</u></b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBANGUNAN</b>			
Geran Pembangunan diterima		25,400,000	2,790,500
<b><i>Tunai bersih dari aktiviti pembangunan</i></b>		<b><u>25,400,000</u></b>	<b><u>2,790,500</u></b>
<b>Penambahan/(Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>24,294,326</b>	<b>(1,779,705)</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>		<b>26,449,078</b>	<b>28,228,783</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>8</b>	<b><u>50,743,404</u></b>	<b><u>26,449,078</u></b>

Nota-nota pada muka surat 76-92 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**1. AKTIVITI UTAMA**

Di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)” Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berperanan seperti berikut:-

- (a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- (b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- (c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- (d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- (e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- (f) Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri dan berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri juga.
- (g) Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- (h) Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- (i) Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- (j) Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

## 2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Accounting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB).

### (a) Peralihan kepada rangka kerja baru MPERS

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Pustaka telah menerima pakai MPERS. Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPERS yang baru adalah 1 Januari 2015.

Penggunaan Rangka Kerja MPERS baru memerlukan semua Piawaian di dalam MPERS digunapakai untuk penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi tahun sebelumnya yang berakhir pada 31 Disember 2015, dan penyata kewangan pembukaan pada tarikh peralihan kepada MPERS.

#### i. Perubahan Polisi Perakaunan

Penggunaan MPERS juga memerlukan organisasi merubah dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian beberapa item. Kesan menerima pakai piawaian baru dalam MPERS dibincangkan seperti di bawah:

- a. Geran Pembangunan – Pada tahun sebelumnya, geran pembangunan yang diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan akan dikreditkan ke dalam ekuiti di mana geran kerajaan hendaklah diiktiraf sebagai ekuiti sepanjang tempoh yang perlu untuk memadankannya dengan kos berkaitan yang ianya adalah bertujuan untuk membayar ganti rugi. Polisi ini telah mengubah dasar rangka kerja *Private Entity Reporting Standards* (PERS) di mana geran yang mengenakan syarat pelaksanaan masa depan tertentu diiktiraf dalam pendapatan hanya apabila syarat pelaksanaan telah dipenuhi. Selain itu, geran yang diterima sebelum memenuhi kriteria pengiktirafan hasil haruslah diiktiraf sebagai liabiliti.

## 2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN (sambungan)

### (a) Peralihan kepada rangka kerja baru MPERS (sambungan)

#### Penyesuaian penyata kewangan

Kesan penyatuan pengecualian mendatangkan faedah dan perubahan dalam polisi pada tarikh peralihan kepada MPERS, pada penyata kedudukan kewangan pada akhir tempoh laporan sebelumnya dan ke atas keuntungan atau kerugian untuk tempoh laporan sebelumnya dinyatakan di dalam penyesuaian di bawah:

#### Penyesuaian Ekuiti

Pada tarikh peralihan kepada MPERS - 1 Januari 2015

Item	PERS sebelum RM	Kesan Peralihan kepada MPERS RM	MPERS RM
<b>Aset</b>			
Loji dan Peralatan	1,611,179	283	1,611,462
<b>Jumlah Aset</b>		<u>283</u>	
<b>Ekuiti</b>			
Geran Pembangunan	17,065,340	(17,065,340)	-
Rizab Modal	-	283	283
		<u>(17,065,057)</u>	
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	-	17,065,340	17,065,340
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<u>283</u>	



## 2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN (sambungan)

### (a) Peralihan kepada rangka kerja baru MPERS (sambungan)

Penyesuaian Ekuiti (sambungan)

Pada tarikh akhir laporan sebelum ini - 31 Disember 2015

Item	PERS sebelum RM	Kesan Peralihan kepada	
		MPERS RM	MPERS RM
<b>Aset</b>			
Loji dan Peralatan	2,607,720	283	2,608,003
<b>Jumlah Aset</b>		<u>283</u>	
<b>Ekuiti</b>			
Geran Pembangunan	16,523,809	(16,523,809)	-
Rizab Modal	-	283	283
Lebihan Terkumpul	10,063,961	<u>(155,733)</u>	9,908,228
		<u>(16,679,259)</u>	
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	-	16,523,809	16,523,809
Manfaat pekerja - Semasa	-	<u>30,549</u>	30,549
		<u>16,554,358</u>	
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Manfaat pekerja - Bukan Semasa	-	<u>125,184</u>	125,184
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<u>283</u>	

Penyesuaian Untung Rugi

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

Item	PERS sebelum RM	Kesan Peralihan kepada	
		MPERS RM	MPERS RM
Geran Kerajaan Negeri	-	2,790,500	2,790,500
Lain-lain kos operasi	-	<u>(3,332,031)</u>	<u>(3,332,031)</u>
Surplus bersih daripada operasi	<u>-</u>	<u>(541,531)</u>	<u>(541,531)</u>

## **2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN (sambungan)**

### **(a) Peralihan kepada rangka kerja baru MPERS (sambungan)**

#### **Penerimaan Pakai awal Pindaan kepada MPERS**

Pada bulan Oktober 2015, MASB menerbitkan Pindaan kepada MPERS yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, dengan aplikasi awal yang dibenarkan. Pustaka telah memilih untuk menerima pakai awal Pindaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Penerimaan pakai awal Pindaan kepada MPERS tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan Pustaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun perbandingan berakhir 31 Disember 2015.

## **3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut “*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*”. Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

### **(a) Risiko Kadar Faedah**

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2016. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

### **(b) Risiko Kecairan**

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

#### **4. ASAS PENYEDIAAN**

##### **(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan ini telah disediakan megikut kelaziman kos sejarah.

Pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan serta amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian yang digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

#### **5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

##### **(a) Buku Perpustakaan**

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

##### **(b) Loji Dan Peralatan**

Aset nyata operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan bagi pengeluaran dan pembekalan barang dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Pustaka memperoleh kawalan aset. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan yang diservis, dan peralatan gantian, dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian berikutnya bagi komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian tambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunakan pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

## 5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### (b) Loji Dan Peralatan (sambungan)

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Susutnilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susutnilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah amaun yang lebih tinggi antara harga jualan aset bersih atau amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot & Peralatan	10%
Komputer & Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

### (c) Geran Kerajaan Negeri

Pustaka tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa organisasi akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama geran dan geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan Pustaka termasuk bantuan kerajaan untuk penyediaan dalam projek-projek sosial di kawasan yang belum dibangunkan yang mungkin tidak mempunyai syarat-syarat yang khusus berkaitan dengan aktiviti operasi Pustaka.

## 5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### (c) Geran Kerajaan Negeri (sambungan)

Semua geran kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan secara sistematik sepanjang tempoh di mana Pustaka mengiktiraf sebagai perbelanjaan kos berkaitan yang mana geran adalah bertujuan untuk membayar ganti rugi. Apa-apa baki yang belum diiktiraf dalam untung atau rugi dikira sebagai pendapatan tertunda seperti liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran yang berkaitan dengan aset bukan kewangan dan geran lain yang diterima tetapi belum diiktiraf dalam untung atau rugi ditunjukkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus sepanjang hayat berguna aset yang berkaitan atau berdasarkan syarat-syarat bantuan yang diterima, yang mana berkenaan.

#### i. Geran Operasi

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti-aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

#### ii. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri di bawah Liabiliti Semasa.

### (d) Cukai Tertangguh

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertangguh disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertangguh didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

### (e) Kemudahan Kakitangan

Pustaka mengiktiraf tanggungan apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa depan dan perbelanjaan apabila Pustaka diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

## 5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### (e) Kemudahan Kakitangan (sambungan)

#### Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira di dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

#### Pelan caruman tetap

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

## 6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### Ketidakpastian anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Antara item yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting Pustaka adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; dan (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

#### (a) Pengukuran Peruntukan

Pustaka menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Pustaka dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa hadapan yang secara munasabah dalam hal keadaan tertentu. Jika kewajipan adalah untuk diselesaikan lebih masa, aliran keluar dijangka didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan organisasi.

## 6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN (sambungan)

### (b) Susutnilai loji dan peralatan

Kos sesuatu item loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan konsumsi manfaat ekonomi aset sepanjang hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi daripada loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan dan kerugian atas pelupusan akhir item loji dan peralatan.

## 7. LOJI DAN PERALATAN

	Kelengkapan Pejabat (RM)	Perabot & Peralatan (RM)	Komputer & Aksesori (RM)	Kenderaan (RM)	Pengubahsuaian Bangunan (RM)	Jumlah (RM)
<b>Tahun 2016</b>						
<u>Kos</u>						
Pada 1.1.2016	1,917,004	787,861	2,013,278	429,617	93,105	5,240,865
Tambahan	187,363	61,238	296,470	-	-	545,071
Pelupusan	(12,372)	(2,644)	-	(158,721)	-	(173,737)
Pada 31.12.2016	<b>2,091,995</b>	<b>846,455</b>	<b>2,309,748</b>	<b>270,896</b>	<b>93,105</b>	<b>5,612,199</b>
<u>Susutnilai</u>						
<u>Terkumpul</u>						
Pada 1.1.2016	1,243,009	551,398	530,069	270,921	37,465	2,632,862
Tambahan	221,866	37,686	375,634	34,537	8,010	677,733
Pelupusan	(12,366)	(2,643)	-	(158,719)	-	(173,728)
Pada 31.12.2016	<b>1,452,509</b>	<b>586,441</b>	<b>905,703</b>	<b>146,739</b>	<b>45,475</b>	<b>3,136,867</b>
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31.12.2016	<b>639,486</b>	<b>260,014</b>	<b>1,404,045</b>	<b>124,157</b>	<b>47,630</b>	<b>2,475,332</b>

## 7. LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Kelengkapan Pejabat (RM)	Perabot & Peralatan (RM)	Komputer & Aksesori (RM)	Kenderaan (RM)	Pengubahsuaian Bangunan (RM)	Jumlah (RM)
<b>Tahun 2015</b>						
<u>Kos</u>						
Pada 1.1.2015	1,840,288	509,641	680,528	256,930	93,105	3,380,492
Pelarasan	-	232,632	193,320	-	-	425,952
Tambahan	113,411	51,988	1,153,028	172,687	-	1,491,114
Pelupusan	(36,695)	(6,400)	(13,598)	-	-	(56,693)
Pada 31.12.2015	<b>1,917,004</b>	<b>787,861</b>	<b>2,013,278</b>	<b>429,617</b>	<b>93,105</b>	<b>5,240,865</b>
<u>Susutnilai</u>						
<u>Terkumpul</u>						
Pada 1.1.2015	1,072,435	287,618	135,971	243,834	29,455	1,769,313
Pelarasan	-	232,350	193,319	-	-	425,669
Tambahan	207,266	34,790	214,375	27,087	8,010	491,528
Pelupusan	(36,692)	(3,360)	(13,596)	-	-	(53,648)
Pada 31.12.2015	<b>1,243,009</b>	<b>551,398</b>	<b>530,069</b>	<b>270,921</b>	<b>37,465</b>	<b>2,632,862</b>
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31.12.2015	<b>673,995</b>	<b>236,463</b>	<b>1,483,209</b>	<b>158,696</b>	<b>55,640</b>	<b>2,608,003</b>

Semua loji dan peralatan yang dibeli dan diserahkan kepada Pustaka oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan agensinya diambil kira dalam penyata kewangan di atas dan telah dibuat pelarasan dalam tahun 2015.

## 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2016 RM	2015 RM
Wang tunai	539	278
Tunai di bank	1,187,738	518,041
Simpanan tetap di bank berlesen	49,555,127	25,930,759
<b>Jumlah</b>	<b>50,743,404</b>	<b>26,449,078</b>



## 9. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

	2016 RM	2015 RM
Penghutang	976,960	271,110
Prabayaran:		
Insuran	170,211	205,213
<i>On-line Database &amp; Magazine</i>	836	68,197
<i>Security System Tag</i>	54,060	-
Lain-lain prabayaran	2,260	138,150
<b>Jumlah</b>	<b>1,204,327</b>	<b>682,670</b>

Termasuk dalam jumlah penghutang adalah jumlah kerja dalam proses bagi asset Komputer dan Aksesori sebanyak RM76,534.

## 10. PEMIUTANG

	2016 RM	2015 RM
Lain-lain pemiutang	2,158,381	2,484,541
Deposit dan wang tahanan	502,494	667,157
<b>Jumlah</b>	<b>2,660,875</b>	<b>3,151,698</b>

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## 11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI

Tahun 2016	Baki	Terimaan	Perbelanjaan	Baki
	1.1.2016 (RM)			31.12.2016 (RM)
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	7,097	200,000	64,510	142,587
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,201,846	2,400,000	1,996,884	1,604,962
(c) Pembangunan Taman Awam & Lanskap	202,999	200,000	229,456	173,543
(d) Pustaka Sibiu	14,929,846	15,000,000	8,031	29,921,815
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib & Program	124,588	1,000,000	1,124,588	-
(f) <i>Digitising Equip. of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	57,333	-	52,000	5,333
(h) <i>State Archive Building</i>	-	5,800,000	143,053	5,656,947
(i) <i>Microfilm &amp; Digitization of Documents</i>	-	800,000	3,404	796,596
	<b>16,523,809</b>	<b>25,400,000</b>	<b>3,621,926</b>	<b>38,301,883</b>

Tahun 2015	Baki	Terimaan	Perbelanjaan	Baki
	1.1.2015 (RM)			31.12.2015 (RM)
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	77,054	137,500	207,457	7,097
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,513,881	2,000,000	2,312,035	1,201,846
(c) Pembangunan Koleksi Am Perpustakaan Awam	22	-	22	-
(d) Pembangunan Taman Awam & Lanskap	314,401	175,000	286,402	202,999
(e) Pustaka Sibiu	14,961,360	-	31,514	14,929,846
(f) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib & Program	198,522	293,000	366,934	124,588
(g) <i>Digitising Equip. of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(h) <i>Research On Reading Habits</i>	-	185,000	127,667	57,333
	<b>17,065,340</b>	<b>2,790,500</b>	<b>3,332,031</b>	<b>16,523,809</b>

## 12. MANFAAT PEKERJA

	2016 RM	2015 RM
<b>Gantian cuti rehat</b>		
SEMASA		
Pelarasan	-	30,549
BUKAN SEMASA		
Tahun Semasa	191,367	-
Pelarasan	-	125,184
<b>Jumlah</b>	<b>191,367</b>	<b>155,733</b>

### 13. HASIL KENDALIAN

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran keahlian dan tahunan	306	6,540
Servis maklumat niaga	327	193
<b>Jumlah</b>	<b>633</b>	<b>6,733</b>

### 14. LAIN-LAIN HASIL

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Denda	25,084	23,165
Auditorium	67,240	69,215
Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan	54,953	95,162
Galeri pameran	47,100	56,550
Kafeteria dan kedai buku	39,600	36,100
Faedah dari simpanan tetap	1,233,893	813,229
Lain-lain hasil	208,069	118,403
<b>Jumlah</b>	<b>1,675,939</b>	<b>1,211,824</b>

### 15. GERAN KERAJAAN NEGERI

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Geran Operasi	21,000,000	19,000,000
Geran Pembangunan	3,621,926	3,332,031
<b>Jumlah</b>	<b>24,621,926</b>	<b>22,332,031</b>

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**16. KOS PEKERJA**

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Gaji dan elaun	7,066,160	6,240,093
KWSP	873,641	831,274
PERKESO	17,229	17,168
Subsidi	124,987	127,738
Pakaian seragam	30,022	38,525
Perubatan	179,539	191,549
<b>Jumlah</b>	<b>8,291,578</b>	<b>7,446,347</b>
<b>Bilangan kakitangan</b>	<b>148 orang</b>	<b>151 orang</b>

**17. LAIN-LAIN KOS OPERASI**

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pengawal keselamatan	1,059,502	737,262
Perbelanjaan pejabat	494,938	639,492
Pengangkutan dan perjalanan	340,544	318,713
Pencetakan	209,117	159,213
Penyelenggaraan <i>Security System Tag</i>	106,080	112,200
Penyelenggaraan bangunan	707,684	1,080,816
Elaun Ahli Lembaga Pengurusan	83,420	84,000
Keraian dan jamuan awam	119,672	167,758
Latihan	298,878	343,203
Insuran	299,999	320,677
Elektrik	1,099,973	1,148,280
Air	31,000	34,056
Telefon	99,736	92,412
Perhubungan awam & pemasaran	95,937	104,148
Honorarium	13,501	11,210
Pembersihan bangunan	354,087	346,700
Sewa	49,537	55,787
<b>Baki dibawa ke bawah</b>	<b>5,463,605</b>	<b>5,755,927</b>

**17. LAIN-LAIN KOS OPERASI (sambungan)**

	<b>2016</b>	<b>2015</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki dibawa ke hadapan	5,463,605	5,755,927
Yuran professional	5,999	5,824
Penyelenggaraan taman & landskap	283,358	439,825
Yuran audit	4,500	3,000
<i>Online Database</i>	500,000	549,433
Majalah dan Jurnal	277,932	284,998
Penyelenggaraan koleksi	18,858	12,737
<i>Acquisition of Sarawakiana materials</i>	136,460	159,977
Perbelanjaan "BIS"	9,000	-
Servis komunikasi awam	49,879	43,288
<i>Legal Deposit</i>	110,828	115,344
<i>Record Management</i>	187,732	187,746
<i>Archive Management</i>	278,703	271,852
Kempen membaca	144,536	136,412
<i>Outreach programme</i>	155,281	75,211
<i>Leasing/ rental of multimedia computers</i>	244,652	201,128
<i>Angkasa Library System Maintenance</i>	150,000	150,000
<i>ICT professional services</i>	256,391	220,000
<i>Sup &amp; Maint. Of Platform Equipment</i>	226,014	200,075
<i>Dedicated Internet Access</i>	103,456	110,000
<i>Support &amp; Maint. Of Wireless LAN</i>	99,686	100,000
<i>Sup. &amp; Maint. SRR Platform Equipment</i>	120,000	86,187
<i>Maint. Union Catalogue Sarawak</i>	168,423	168,681
<i>Support &amp; Maint. CCTV, Fingerprint</i>	79,995	61,449
<i>Angkasa Library Syst. Perpustakaan Awam</i>	220,000	204,199
<i>State KM Portal</i>	129,965	126,226
Perbelanjaan Pembangunan	3,621,926	3,332,031
Lain-lain perbelanjaan	921,581	1,197,961
<b>Jumlah</b>	<b>13,968,760</b>	<b>14,199,511</b>

**18. PERCUKAIAN**

**Peruntukan cukai**

Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

**Cukai tertanggung**

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertanggung.

**19. PIAWAIAN PERAKAUNAN**

Pustaka akan mematuhi sepenuhnya piawai MPERS pada tahun 2017.





**PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia

☎ 6 082 442000 📠 6 082 449944 @ librarian@sarawak.gov.my

[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)